

10/09/2000

KUB bebas daripada jadi alat politik

KUALA LUMPUR: KUB Malaysia Berhad (KUB) yang menjadi pengukur kemampuan orang Melayu kini bebas daripada dijadikan alat politik sesetengah pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, KUB bagaimanapun masih perlu mengamalkan pengurusan bijak untuk muncul sebagai syarikat Melayu berjaya, khususnya dalam K-ekonomi.

Dr Mahathir berkata, satu ketika dulu pelaburan dibuat ramai orang Melayu, termasuk beliau sendiri dalam KUB "hangus", berikutan tindakan golongan tertentu menggunakan koperasi itu.

"Satu masa dulu KUB dipolitikkan. Ada pihak gunakan KUB sebagai alat untuk kemajuan politik dan diri mereka. Dengan itu, KUB tiada tumpuan ke arah perniagaan dan pelaburan," katanya berucap merasmikan bangunan ibu pejabat baru KUB Malaysia Bhd berharga RM64.9 juta di sini, petang semalam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau yakin masalah seperti itu tidak akan berulang, berikutan pengurusan baik KUB, terutama di bawah Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Hassan Harun.

"Beliau orang Kelantan tetapi cekap menjalankan perniagaan sehingga berjaya memulihkan KUB kepada prestasi membanggakan kita hari ini," katanya sambil menambah, banyak syarikat Bumiputera gagal berikutan pengurusan kurang baik dan tidak jujur bila diberi peluang menguruskan sesuatu badan.

"Mereka (syarikat Bumiputera) menggunakan peluang ini untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Kalau ada peluang baik akan disertai diri sendiri tetapi jika peluang kurang baik, ia diserahkan kepada badan perniagaan yang kerajaan uruskan. Perkara seperti itu tidak harus berlaku," katanya.

Perdana Menteri berharap KUB dengan bangunannya sendiri, akan menjadi mercu tanda orang Melayu yang sememangnya mempunyai keupayaan dan kebolehan.

"Tetapi, kalau kita cuma ada otak geliga, tetapi tidak digunakan dengan baik, ia tidak mendatangkan banyak faedah kepada kita," katanya.

(END)